



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHEM)**
www.jthem.com



NARATIF ADAT PERKAHWINAN ETNIK SULUK DI DAERAH KUDAT, SABAH

THE NARRATIVE OF WEDDING CUSTOMS OF SULUK ETHNIC AT KUDAT, SABAH

Habibah @ Artini Ramlie^{1*}, Earnie Elmie Hilmi², Saifulazry Mokhtar³, Mohd Sohaimi Esa⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: earnie@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 17.08.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 09.09.2022

To cite this document:

Ramli, H. A., Hilmi, E. E., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022). Naratif Adat Perkahwinan Etnik Suluk di daerah, Kudat, Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 152-162.

DOI: 10.35631/JTHEM.729012.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Etnik Suluk merupakan salah satu dari kelompok etnik yang terdapat di Kudat, Sabah dan memiliki status bumiputera yang diiktiraf sebagai peribumi Sabah. Sama seperti bangsa dan etnik lain, etnik Suluk memiliki keunikan tersendiri yang menggambarkan budaya etnik tersebut. Kajian ini bertujuan untuk membentangkan satu penceritaan secara umum tentang citra etnik Suluk serta adat perkahwinan yang diamalkan oleh mereka. Rekabentuk kajian adalah kualitatif melibatkan kaedah perpustakaan menerusi penelitian ke atas beberapa literatur terpilih serta kaedah temubual dengan 11 orang informan. Dapatan kajian menunjukkan adat perkahwinan etnik Suluk memiliki keunikan tradisi tersendiri. Oleh itu, artikel ini diharapkan dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang etnik Suluk serta adat perkahwinan mereka yang mewarnai corak kepelbagaian etnik dan budaya masyarakat di Sabah.

Kata Kunci:

Etnik Suluk, Adat Perkahwinan, Sabah, Kumpulan Etnik

Abstract:

Among the various ethnic groups found in Kudat, Sabah are the Suluk. The Suluk ethnic are recognised as one of the indigenous communities in Sabah

and are classified as Bumiputera. The Suluk are known for their unique culture which stems from their rich heritage. These fascinating cultures are commonly associated with the ethnic groups in Sabah. In this study, the general narrative of ethnic Suluk in Sabah will be explored, particularly, their wedding customs. This study will be conducted via a qualitative approach based on archival research of selected library resources and interview methods comprising of 11 informants. The findings of this study have shown that Suluk wedding customs has its own unique traditions. Thus, this study is forecasted to yield greater understanding and enhance our understanding of Sabah's diverse multi-ethnic community by focusing on the Suluk ethnic group and their wedding customs.

Keywords:

Suluk Ethnic, Wedding Customs, Sabah, Ethnic Group

Pengenalan

Negeri Sabah mempunyai keunikan tersendiri kerana penduduknya terdiri dari pelbagai agama dan etnik yang mengamalkan budaya dan tradisi masing-masing secara harmoni. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah pada tahun 2015 menunjukkan terdapat lebih kurang 33 kumpulan pribumi di Sabah yang bertutur dalam lebih 50 bahasa dengan 80 dialek etnik tersendiri. Etnik terbesar adalah Kadazan-Dusun diikuti etnik Murut, Bajau, Rungus, Suluk dan lain-lain. Komposisi tertinggi etnik Suluk di Sabah adalah di Sandakan, Kota Kinabalu dan Lahad Datu (Rashid, 2015) selain di daerah Kudat, Tuaran dan Penampang (Awang Long, Zainal & Cheang, 2018).

Etnik Suluk kaya dengan pelbagai adat dan budaya. Antaranya adat dalam upacara perkahwinan. Perkahwinan adalah peristiwa yang dilakukan sebelum lelaki dan perempuan disatukan sebagai pasangan suami isteri yang diiktiraf oleh agama dan masyarakat. Ia bertujuan untuk memenuhi fitrah kemanusiaan serta tuntutan agama itu sendiri. Adat perkahwinan biasanya mempunyai adat-adat atau kepercayaan tertentu mengikut pegangan agama atau kebiasaan masyarakat setempat.

Asal-Usul dan Perkembangan Etnik Suluk

Etnik Suluk dipercayai berasal dari Kepulauan Sulu yang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu (Kroeger, 2017; Awang Long et.al, 2018). Keberadaan etnik Suluk di Sabah tertumpu di kawasan berpantai sekitar bahagian pantai timur Sabah (Thomas, 1968). Penempatan etnik Suluk serta pengaruh Kesultanan Sulu terbukti melalui kewujudan beberapa kawasan yang menggunakan bahasa Suluk sebagai nama penempatan seperti Silam, Sandakan serta Lahad Datu (Maraining, Othman, Radzi & Abdul Rahim., 2018). Etnik Suluk yang menggunakan bahasa 'Sug' sebagai bahasa pertuturan turut dikenali dengan nama 'Tausug' (Awang Long et al., 2018; Maraining et al., 2018). Menurut Thomas (1968), Soderberg, Ashley & Olsen (2012) dan Kroeger (2017), 'Tausug' adalah bahasa komunikasi Austronesian di Kepulauan Jolo di barat daya Filipina serta kepulauan berhampiran termasuklah Kepulauan Mindanao serta beberapa kawasan di Sabah. Perkataan 'Tausug' adalah kombinasi dari dua terma iaitu 'Tau' (bermaksud orang) dan 'Sug' (bermaksud arus). Etnik Suluk digambarkan sebagai 'orang arus' kerana sifat mereka yang suka mengembara untuk berdagang dan berlayar merentasi lautan. Atas sebab itu juga etnik Suluk turut dipanggil sebagai 'Orang Laut' kerana gaya hidup mereka yang suka berlayar (Kee Mohd Yussof & Amat, 2012; Awang Long et al., 2018; Dino, 2018). Hal ini menjadikan kawasan pesisir pantai menjadi pilihan etnik Suluk sebagai kawasan penempatan secara tradisi. Selain itu, timbul juga tafsiran bahawa 'Tausug'

sebenarnya singkatan dari perkataan ‘Tau Maisug’ yang bermaksud ‘orang berani’. Ia dinisbahkan dengan keberanian ‘Tausug’ atau etnik Suluk yang diakui oleh pihak Sepanyol yang pernah menjajah Filipina sehingga menggelar etnik Suluk sebagai ‘Juramentado’ (berani mati) atau dalam pengertian Islam dikenali sebagai ‘Mujahadid’ (Jakum, 2017).

Selari dengan lokasi penempatan yang mereka diami, kebanyakan etnik Suluk adalah nelayan (Kee Mohd Yussof et al., 2012) selain bertani (Roslan, 2018), bercucuk tanam dan turut menceburi bidang keusahawanan berkaitan industri perikanan. Bidang keusahawanan yang diceburi membolehkan etnik Suluk mengasah aspek kepimpinan, komunikasi serta kewangan yang secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan ekonomi di Sabah (Tamby Omar, Ationg & Marinsah, 2019). Memajukan diri serta memperkembangkan ilmu dilihat sebagai satu perkara yang amat penting untuk etnik Suluk mengekalkan keberadaan mereka dengan etnik lain di Sabah. Perkara ini selari dengan tindakan etnik di negara lain yang turut menyedari kepentingan menambah ilmu pengetahuan untuk kelangsungan hidup pada masa akan datang (Arar & Haj-Yehia., 2016). Prinsip ini turut mempunyai hubungan dengan sifat perpaduan dan toleransi yang tinggi dalam kehidupan harian etnik Suluk. Mereka masih mengekalkan pegangan sama dalam kehidupan harian termasuklah dalam suasana di tempat kerja walaupun telah mengalami perkembangan dari zaman ke zaman. Etnik Suluk juga tidak berhadapan dengan masalah untuk berasimilasi dengan rakan sekerja sebaliknya mudah menjalinkan interaksi yang erat dan rapat antara ahli kumpulan etnik yang berbeza (Ajak & Dino., 2018). Hal ini disebabkan etnik Suluk sangat berpegang teguh kepada prinsip bekerjasama dan berani mencuba sesuatu kerana ia merupakan nilai yang membawa mereka kepada transformasi kehidupan (Abdul Razak, 2018). Secara tidak langsung, ia menunjukkan etnik Suluk merupakan salah satu etnik yang berdaya maju dan mampu meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi yang mereka ceburi dalam kehidupan mereka (Ali, 2018).

Bagaimanapun polemik berkaitan etnik Suluk di Sabah mula tercetus selepas terjadinya peristiwa getir Tanduo di Lahad Datu pada tahun 2013. Tragedi tersebut mencetuskan pandangan serong segelintir masyarakat terhadap etnik Suluk sehingga menyamakan etnik ini dengan etnik Suluk yang datang dari selatan Filipina (Kasmir, 2013; Rashid, 2015; Dollah, Othman, Wan Hassan & Jemon, 2018). Tanggapan tersebut sebenarnya kurang tepat kerana terdapat beberapa perbezaan dalam aspek bahasa, penampilan, budaya dan sifat santun antara etnik Suluk pendatang dari selatan Filipina dengan etnik Suluk tempatan (Rashid, 2015). Etnik Suluk yang sebelum itu diterima sebagai peribumi dan diiktiraf sebagai masyarakat peribumi mula dianggap sebagai pendatang (Maraining et al., 2018). Meskipun tidak dinafikan bahawa etnik Suluk di Sabah mempunyai hubungan dengan etnik Suluk yang datang dari Filipina (Thomas, 1968; Rashid, 2015; Aziz & Said, 2016) namun asal-usul etnik Suluk di Sabah perlu difahami dengan jelas berpandukan fakta sejarah iaitu ;

- i. Etnik Suluk Filipina yang berhijrah ke Sabah disebabkan kekacauan politik di selatan Filipina pada tahun 1970-an.

Mereka adalah etnik Suluk yang berhijrah ke Sabah sebagai pelarian politik dan atas dasar tujuan ekonomi (Othman, Omar, Abdul Jabar & Idris, 2016). Mereka diterima masuk ke Sabah atas ihsan dan budi bicara kemanusiaan Almarhum Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun selaku Yang Di-Pertua Negeri Sabah pertama selepas pembentukan Persekutuan Malaysia bagi tujuan memberi perlindungan kepada mereka (Hajimin, Ibrahim & Kassim, 2016).

ii. Etnik Suluk yang memang telah berada di Sabah sejak pemerintahan Kesultanan Sulu. Mereka adalah etnik Suluk yang telah menetap di Sabah sejak sebelum pembentukan Malaysia lagi. Maksudnya di sini, etnik Suluk awal di Sabah bukanlah etnik yang ber'migrasi' atau datang dari tempat lain kerana mereka telah berada di Borneo Utara (kini Sabah) sejak Sabah berada di bawah naungan *British North Borneo Company* (Syarikat British Borneo Utara) (Maraining et al., 2018).

Membincangkan tentang adat dan budaya etnik Suluk, etnik Suluk sama seperti etnik lain yang terdapat di Sabah juga turut memiliki tradisi tersendiri. Walaupun etnik Suluk beragama Islam dan berpegang kepada kepercayaan berasaskan al-Quran dan al-Hadis (Thomas 1968; Jakum, 2017; Awang Long et al., 2018), mereka turut masih berpegang dengan unsur-unsur 'supernatural' hasil gabungan 'kepercayaan baharu' iaitu agama Islam serta 'kepercayaan tradisi' iaitu animisme yang berasal dari kepercayaan asal nenek moyang mereka. Situasi ini jelas dilihat dalam amalan tradisi yang diamalkan sehingga hari ini (Awang Long et al., 2018) seperti dalam adat perkahwinan etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah. Pengkaji tidak menemukan kajian khusus berkaitan adat perkahwinan etnik Suluk yang menjadi fokus kajian. Justeru kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran berhubung naratif adat perkahwinan tersebut khususnya dalam kalangan komuniti etnik Suluk di daerah Kudat, Sabah.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di daerah Kudat atas justifikasi bahawa penempatan etnik Suluk juga terdapat di daerah tersebut (Awang Long et al., 2018; Maraining, 2018). Kudat dengan keluasan 1,287 kilometer persegi (Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah, 2015) terletak di pantai barat utara Sabah, Malaysia timur (lebih kurang 190 kilometer di utara Kota Kinabalu) yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran untuk daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas serta beberapa pulau luar pesisir. Menurut sejarah, daerah Kudat ditubuhkan pada 7 Disember 1881 oleh A H Everett dari *British North Borneo Company* (Syarikat British Borneo Utara). Kudat merupakan ibu negeri pertama Syarikat British Borneo Utara kerana faktor lokasi geografi yang strategik. Namun selepas beberapa tahun, British beralih ke pelabuhan Sandakan yang lebih selamat di sebelah pantai timur Sabah setelah Kudat terdedah dengan ancaman lanun. Menurut anggaran pada tahun 1991, penduduk Kudat berjumlah seramai 56,000 orang. Etnik Rungus iaitu salah satu sub-etnik Bumiputra Kadazan merupakan komposisi etnik utama diikuti oleh etnik Cina serta minoriti etnik Bajau, Dusun, Murut, Suluk dan lain-lain. 51% penduduk Kudat terdiri dari kalangan bumiputera beragama Islam (Bajau Bannaran, Ubian, Sungai, Brunei, Bajau dan Kagayan), bumiputera etnik Rungus 30% dan etnik Cina 19%. Terdapat juga pendatang asing daripada kepulauan Sulu serta Mindanao (Lembaga Bandaran Kudat, 2020).

Metodologi Kajian

Bagi tujuan memperolehi maklumat tentang adat perkahwinan etnik Suluk secara umum, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah temubual. Kaedah temubual dilaksanakan kerana ketika berada di lokasi kajian, pengkaji mengalami menghadapi keterbatasan waktu dan tidak dapat melakukan pemerhatian terhadap adat perkahwinan. Hal ini disebabkan semasa kajian lapangan dijalankan, Malaysia masih berada dalam situasi pandemik dan upacara perkahwinan tidak dilakukan kerana terikat dengan standard prosedur tertentu dari pihak berkuasa. Persampelan kajian yang ditetapkan adalah persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*). Dalam persampelan ini, setiap subjek dalam populasi tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih menjadi informan kajian kerana pengkaji menetapkan subjek

daripada populasi berdasarkan tujuan atau ciri-ciri tertentu sahaja (Neuman, 2011) yang boleh memberikan maklumat kepada pengkaji (Creswell, 2012). Oleh itu, sampel kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan memfokuskan sampel kepada kriteria yang dikehendaki iaitu informan dari pelbagai latar belakang yang mempunyai pengalaman luas berkenaan adat etnik Suluk.

Temubual dijalankan di beberapa buah lokasi sekitar daerah Kudat melibatkan seramai 11 orang informan dari kalangan etnik Suluk yang berusia lingkungan 43 tahun sehingga 79 tahun. Soalan-soalan temubual dirangka lebih awal secara berstruktur dan separuh terbuka. Soalan temubual yang sama diajukan kepada semua informan dan setiap maklumbalas informan adalah dirakamkan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan kefahaman perkataan mengenai perlakuan masyarakat berdasarkan perbualan dan pengucapan mereka (Darusalam & Hussin, 2016). Pertuturan sepanjang temubual adalah dijalankan dalam loghat Sabah dengan lenggok etnik Suluk namun hasil temubual telah dialih bahasa kepada Bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman tentang adat perkahwinan etnik Suluk atau lebih dikenali sebagai '*pagtiya'un*' (Dino, 2018). Setelah temubual selesai dijalankan, rakaman audio temubual ditranskripsikan dalam bentuk verbatim (perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat). Seterusnya pengkaji memilih setiap unit yang ditranskripsi untuk dikelompokkan di bawah tema atau kategori tertentu.

Dapatan Kajian

Adat perkahwinan etnik Suluk didahului dengan pelbagai proses bermula dari peringkat merisik hinggalah tamat upacara perkahwinan. Perkongsian dari para informan adalah seperti berikut.

'Majlis 'Buka Mulut' atau merisik akan dijalankan dengan membawa sebertuk cincin dan sejumlah wang. Ia diteruskan sehingga mencapai kata sepakat. Adat atau hantaran adalah tertakluk pada pihak perempuan. Seterusnya pihak perempuan akan meminta '*ambakera*' atau kain batik sebanyak 7 helai untuk diagihkan kepada ibu tunggal dan balu sebagai tanda sedekah untuk memohon berkat. 'Basingan' atau 'Berian' (hantaran) berupa wang tunai sekurang-kurangnya RM50 atau RM100 perlu diberikan diikuti dengan penentuan tarikh perkahwinan.' – Informan 1

'Sama seperti kebiasaannya, ia dimulakan dengan majlis merisik. Selepas mencapai kata sepakat, pihak lelaki akan masuk meminang dan penentuan hari menghantar 'Berian (hantaran)'. Hantaran seperti cincin dan belanja wang hangus adalah pemberian yang perlu disediakan. Setelah hantaran dihantar, hari perkahwinan akan ditentukan.' – Informan 2

'Ia dimulakan dengan majlis merisik dan kemudiannya meminang. Apabila bersetuju, barulah kedua pihak bertunang. Langkah seterusnya adalah menetapkan tarikh perkahwinan dan menghantar berian. Hantaran dan belanja hangus antara adat kaum Suluk.' – Informan 3

'Ia dimulakan dengan majlis merisik ke rumah pihak perempuan. Sebertuk cincin dan sejumlah wang akan dibawa sebagai tanda. Apabila bersetuju, pihak lelaki akan datang sekali lagi ke rumah pihak perempuan untuk majlis bertunang.' – Informan 4

'Adat berkenalan akan dibuat terlebih dahulu. Jika ibu bapa berkenan, anak akan dikahwinkan walaupun anak mungkin tidak setuju. Selepas itu, majlis merisik akan diadakan dengan membawa sebertuk cincin dan sejumlah wang mengikut kemampuan.

Selepas itu, perbincangan akan dijalankan dan boleh diputuskan pada hari tersebut tentang hari merisik dan majlis pertunangan samada diteruskan atau ditangguhkan. Penentuan barang-barang hantaran akan ditetapkan dan hantaran akan dihias. Setelah itu, pihak lelaki akan ditanya samada ingin menukarkan hantaran dalam bentuk wang.’ – Informan 5

‘Merisik atau ‘Buka Mulut’ dilakukan untuk meminta persetujuan daripada pihak perempuan. Ia akan disusuli dengan adat meminang. Setelah itu, hantaran dan mas kahwin akan ditentukan. Barang-barang tembaga biasanya akan diminta oleh pihak perempuan sebagai hantaran.’ – Informan 6

‘Sebelum melamar, pihak lelaki hendaklah merisik terlebih dahulu. Jika calon isteri mempunyai kakak dan adik, perlu disediakan pakaian tertentu. Barang-barang seperti ‘Celapa’ (tepak sirih), ‘Badung Belanak’ (parang), gong dan ‘ambakera’ (gubahan berbentuk mahligai kecil atau bendera yang diisi dengan manisan dan sejumlah wang) merupakan antara hantaran yang selalu diminta oleh pihak perempuan.’ – Informan 7

‘Semasa meminang, pihak lelaki akan membawa sebungkus cincin untuk mengikat pihak perempuan. Selepas diterima, pihak lelaki akan menghantar berian (hantaran). Perjanjian akan ditentukan pada ketika itu. Tikar yang dianyam juga perlu dihantar bersama hantaran. Emas berbentuk gelang perlu disediakan kepada pengantin perempuan dan tidak boleh dipakai oleh sesiapa selain pengantin perempuan.’ – Informan 8

‘Apabila ibu bapa berkenan akan seseorang, mereka akan mengahwini anak mereka tanpa perlu persetujuan anak tersebut. Ini yang berlaku pada waktu dahulu. Berbeza dengan waktu sekarang, ia dimulakan dengan majlis merisik dengan membawa sebungkus cincin dan sejumlah wang. Selepas mencapai kata sepakat, pihak lelaki akan masuk meminang. Pada zaman dahulu, selepas pinangan diterima barulah tarikh perkahwinan ditentukan. Kebiasaannya, pinangan kali pertama tidak boleh ditolak.’ – Informan 9

Dapatan temubual menunjukkan pada kebiasaannya, adat perkahwinan etnik Suluk adalah dimulakan dengan adat merisik dan meminang dengan diiringi sebungkus cincin atau barang hantaran serta sejumlah wang yang disediakan pihak lelaki. Setelah adat merisik, meminang dan bertunang tersebut selesai, ia akan diteruskan dengan majlis perkahwinan. Tarikh perkahwinan akan ditetapkan apabila kedua pihak telah mencapai kata sepakat. Beberapa perkara penting sebelum bermulanya majlis perkahwinan akan diadakan. Antaranya adalah seperti adat ‘*pagligu pangantin*’ dan acara ‘tembak pengantin’. Adat ‘*pagligu pangantin*’ adalah adat bersiram pengantin (Dino, 2018).

‘Sebelum bernikah, pengantin akan dimandikan oleh imam jika lelaki dan bidan kampung jika perempuan.’ – Informan 8

‘Acara ‘tembak pengantin’ menggunakan senapang diadakan untuk mewar-warkan penduduk kampung bahawa pengantin tersebut telahpun mandi pengantin. Acara ini dilakukan pada waktu pagi hari perkahwinan.’ – Informan 7

Acara adat ‘*pagligu pangantin*’ akan dijalankan oleh seorang perempuan lingkungan umur 60-an (‘*pangliligu*’) dengan dibantu oleh dua orang perempuan lain yang juga telah berumur. Tujuan adat ‘*pagligu*’ adalah untuk menaikkan seri wajah pengantin, meniup dan menguatkan semangat serta mendoakan kesejahteraan pengantin yang akan menjalani kehidupan berkeluarga (Dino, 2018). Kemudian apabila telah tiba masa untuk majlis akad nikah dan bersanding, pihak pengantin lelaki dikehendaki memberikan wang pengeras atau saguhati

sebelum memasuki rumah pengantin perempuan. Tujuannya adalah untuk membuka tabir atau kain rentang yang diletakkan di hadapan pelamin selain perlu melakukan acara pusingan sebanyak tiga kali sebelum naik ke rumah pengantin perempuan dan sebelum upacara membatalkan air sembahyang.

‘Rombongan lelaki akan menunggu arahan pihak rombongan pengantin perempuan samada perlu melakukan beberapa perkara seperti bersilat dahulu dan sebagainya. Wang pengeras diperlukan apabila pihak lelaki ingin memasuki rumah pengantin perempuan yang diletakkan dengan kain rentang. Ia akan dibalas dengan sehelai sapu tangan sebagai tanda setuju untuk upacara akad nikah dan membatalkan air sembahyang’. – Informan 5

‘Ketua rumah atau wakil akan menyambut rombongan pihak lelaki. Sebelum memasuki rumah, pihak lelaki dikehendaki untuk berpantun terlebih dahulu. Upacara buka tabir perlu dilakukan sebelum duduk bersanding. Untuk membuka tabir berkenaan, saguhati berupa wang perlu iberikan.’ – Informan 6

‘Pada zaman dahulu, pengantin lelaki perlu melakukan pusingan sebanyak tiga kali sebelum naik ke rumah pengantin perempuan.’ – Informan 1

Majlis akad nikah semasa upacara perkahwinan seterusnya dilanjutkan dengan adat membatalkan air sembahyang atau disebut ‘*magba’tal*’ iaitu dengan cara iaitu menyentuh pertengahan kening wanita atau ‘*tisaan in ut kilay sin baba’i*’ (Dino, 2018). Acara ini memerlukan pengantin lelaki menyediakan sapu tangan untuk dipusing sebanyak tiga kali di hadapan atau atas kepala pengantin perempuan selain sekali lagi perlu menyediakan saguhati atau wang pengeras.

‘Sebelum naik ke rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki perlu berpusing di sekeliling rumah pengantin perempuan sebanyak tiga kali. Apabila pengantin lelaki ingin membatalkan air sembahyang, pengantin perempuan akan dihadapkan ke belakang terlebih dahulu sebelum sapu tangan dipusingkan sebanyak 3 kali di hadapan pengantin perempuan. Ibu pengantin lelaki akan menghadapkan pengantin perempuan ke hadapan dengan syarat wang pengeras diletakkan di dalam sampul.’ – Informan 1

‘Pengantin perempuan akan dihadapkan ke belakang apabila pengantin lelaki memasuki bilik atau tempat membatalkan air sembahyang. Wakil dari pihak lelaki perlu bernyanyi atau ‘*berluggu*’ supaya pintu bilik pengantin perempuan dibuka. Sapu tangan akan dipusing sebanyak 3 kali di atas kepala pengantin perempuan. Setelah upacara tersebut sah, barulah pengantin perempuan dihadapkan pada pengantin lelaki.’ – Informan 8

‘Semasa majlis akad nikah, pengantin lelaki akan memusingkan sapu tangan sebanyak tiga kali dan pengantin perempuan hendaklah menghadap ke belakang sebelum dipusingkan kembali oleh ibu pengantin lelaki. Upacara membuka tabir juga dilakukan sebelum membatalkan air sembahyang dan pengantin perempuan perlu diberikan wang saguhati.’ – Informan 3

‘Semasa majlis perkahwinan berlangsung, acara buka tabir diikuti dengan wang pengeras akan dilakukan bagi membatalkan air sembahyang.’ – Informan 4

Perlu diketahui bahawa acara perkahwinan atau ‘*pagtiya’un*’ etnik Suluk akan diiringi dengan alunan lagu (*lugu*) oleh seorang penyanyi lelaki atau wanita (*manglulugu*) sepanjang berlangsungnya majlis. *Manglulugu* akan menyanyikan lagu-lagu berkaitan cinta, nasihat

berumah tangga dan kehidupan yang baik kepada pengantin. Majlis bersanding (*pagsanding*) juga akan dihiburkan dengan acara tarian (*mangalay*) serta hiburan (*paglami-lami*). Ia turut diserikan dengan '*pagabbang*'. '*Paggabbang*' adalah bermain dengan '*gabbang*' atau zilofon buluh bamboo yang dimainkan oleh seorang '*paggabbang*' (pemain gabbang) samada wanita atau lelaki dengan diiringi lagu (Dino, 2018).

Manakala dalam aspek pantang-larang, terdapat beberapa larangan dalam adat perkahwinan etnik Suluk.

'Pengantin tidak boleh memijak kaki ke tanah selama tiga hari. Hanya selepas tiga hari, barulah pengantin boleh mengadakan majlis tingkuang atau majlis menyambut menantu.'
– Informan 1

'Jika perkahwinan sesama bangsa Suluk, tiada masalah yang timbul. Tetapi apabila perkahwinan campur, adat tradisi orang Suluk perlu dipatuhi. Segulung kain kafan, loyang, talam tembaga merupakan hantaran yang perlu dibawa. Wang hangus juga tidak ketinggalan. Ketika majlis 'tingkuang' atau sambut menantu, sebelum memasuki rumah, darah ayam akan dititis di atas talam kemudian akan dipalit di kaki pengantin. Langkah bendul yang melibatkan kakak pengantin perempuan perlu diberikan sebetuk cincin emas.' – Informan 10

'Jika hubungan kekeluargaan adalah rapat, perkahwinan tidak boleh diteruskan. Hal ini kerana adanya hubungan yang erat sama seperti hubungan adik-beradik. Pihak perempuan akan meminta hantaran mengikut kemampuan pihak lelaki. 'Mahal basingan' seperti cincin adalah wajib. Majlis 'tingkuang' atau sambut menantu juga dilakukan.' – Informan 11

Rumusan keseluruhan menunjukkan etnik Suluk di daerah Kudat masih mengamalkan serta meneruskan beberapa kepercayaan nenek moyang dalam adat perkahwinan yang dijalankan. Perkara ini jelas dilihat dalam adat-adat yang diamalkan sehingga hari ini sepertimana yang diutarakan oleh para informan. Mengulas perkara ini, perkahwinan adalah amat dituntut dalam syariat Islam tetapi adat tradisi melibatkan ritual tertentu termasuk tegahan berkahwin dengan kalangan ahli saudara yang rapat adalah tidak menepati aspek kepatuhan syariah. Demikian juga dalam aspek nyanyian dan muzik. Meskipun hukumnya mempunyai khilaf dan tidak mutlak kerana terdapat hujah terperinci oleh para ulama dalam menetapkan hukum harus dan haram, namun adalah jelas bahawa nyanyian dan muzik mengandungi unsur-unsur haram seperti pergaulan bebas, lirik menyanggahi syariat dan aqidah Islam, tarian mengghairahkan, serta melalaikan pendengar adalah ditegah dalam Islam (Pejabat Mufti Wilayah Persekutan, 2020).

Oleh itu, analisis dapatan kajian beberapa adat etnik Suluk dalam adat perkahwinan yang bertentangan dengan syariat Islam adalah:

- i. penetapan bentuk hantaran tertentu sekiranya pengantin perempuan mempunyai adik atau kakak atau sekiranya berlaku perkahwinan dengan etnik lain.
- ii. acara memandikan pengantin.
- iii. penyediaan wang pengeras atau saaguhati oleh pihak lelaki sebelum masuk ke rumah pengantin perempuan.
- iv. pengantin lelaki perlu melakukan pusingan sebanyak tiga kali sebelum masuk ke rumah pengantin perempuan.
- v. sapu tangan dipusing sebanyak tiga kali di hadapan atau di atas kepala pengantin perempuan sebelum upacara membatalkan air sembahyang selain menyediakan lagi

- saguhati atau wang pengeras.
- vi. lagu dan nyanyian didendangkan sepanjang majlis perkahwinan.
 - vii. pasangan pengantin tidak boleh keluar rumah atau memijak tanah selama tiga hari selepas majlis perkahwinan.
 - viii. ketika majlis menyambut menantu (*tingkuang*), darah ayam akan dititis di atas talam kemudian akan dicalit di kaki pasangan pengantin sebelum memasuki rumah.

Manakala adat yang tidak menyalahi syariat adalah:

- i. upacara perkahwinan dimulakan dengan adat merisik dan meminang.
- ii. penetapan tarikh pertunangan atau majlis perkahwinan apabila kedua pihak telah mencapai kata sepakat.
- iii. merwar-warkan majlis perkahwinan yang akan diadakan.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, legasi etnik Suluk di daerah Kudat telah mewarnai variasi adat dan budaya di Sabah dengan konsistensi yang merentasi peredaran masa dan zaman. Justeru dalam usaha melakar jati diri bangsa, naratif adat perkahwinan etnik Suluk ini diharap dapat memberikan sedikit sebanyak pengetahuan umum kepada masyarakat dalam usaha memahami realiti dan citra etnik Suluk yang berada di Kudat, Sabah khususnya dalam adat perkahwinan mereka. Hal ini akan memberi ruang kepada semua pihak agar lebih memahami dan mempelajari budaya etnik berlainan seterusnya dapat mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan menghargai antara satu sama lain demi kelestarian aspek keharmonian masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia. Bagaimanapun, adat perkahwinan etnik Suluk perlulah disesuaikan dengan ajaran Islam agar ia tidak menyalahi hukum syarak demi mengelakkan masyarakat dari terus terjerumus dalam perkara khurafat.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil geran penyelidikan Skim Geran Akulturasi (SGA0079-2019) yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk '*Penelitian Pengaruh Amalan Tradisi Terhadap Sistem Nilai Patuh Syariah Dalam Kalangan Komuniti Etnik Suluk*' dan sumbangan pihak Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Rujukan

- Abdul Razak, A. (2018). Transformasi usahawan kaum Suluk dalam menyumbang kepada ekonomi Sabah. Dlm. Ajak, M.F., & Dino, N. *Pemikiran dan Identiti Suluk. Sabah*. Sabah: Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).
- Ajak, M.F., & Dino, N. (2018). Pis lambang masyarakat Suluk. Dlm. Ajak, M.F., & Dino, N. *Pemikiran dan Identiti Suluk. Sabah*. Sabah: Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).
- Ali, M. (2018). Peranan kaum Suluk dalam industri rumpai laut di Sabah. Dlm. Ajak, M.F., & Dino, N. *Pemikiran dan Identiti Suluk. Sabah*. Sabah: Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).
- Arar, K., & Haj-Yehia, K. (2016). Access to higher education among minorities. Dlm. *Higher Education and the Palestinian Arab Minority in Israel*. New York: Palgrave Macmillan.

- Awang Long, M., Zainal, S., & Cheang, S.C. (2018). Elemen teater dalam ritual 'Pag Pasahaya Baihu' etnik Suluk daerah Kudat, Sabah. *Jurnal MANU*, 27, 31-46. Dlm. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/1310/834>.
- Aziz, H., & Said, S. (2016). Tuntutan Kesultanan Sulu terhadap Sabah: Sorotan dari perspektif sejarah dan perundangan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9 (2), 279-294. Dlm. <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4473>.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Fourth Edition. Boston: Pearson.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dino, N. (2018). *Budaya, sastera orang Suluk perlu dipertahankan*. Dlm. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusanborneosabah/20180128/282144996777323>.
- Dollah, R., Othman, Z., Wan Hassan, W. S., & Jemon, S. (2018). Peranan peristiwa dalam pembentukan identiti: Peristiwa Tanduo 2013 dan pembentukan identiti masyarakat Suluk (Tausug) di Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 23, 21-42. Dlm. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1122>.
- Hajimin, M. N. H., Ibrahim, I.A., & Kassim, A. (2016). Impak migrasi pelarian Muslim Filipina terhadap survival politik Muslim Sabah (1963 - 2013). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3 (2), 130-138. Dlm. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files5/jsass_vol3bil2_010_hidayat.pdf.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. (2015). 1.1 Luas Kawasan Mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan, 2014. Dlm. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Dlm. http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf.
- Jakum, R. (2017). *Penglibatan pemimpin masyarakat Suluk dalam pembentukan Malaysia (1961-1966)*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Kasmir, W. (2013). *Suluk community in Sabah against intrusion-association*. Dlm. <https://www.theborneopost.com/2013/03/08/suluk-community-in-sabah-against-intrusion-association/>.
- Kee Mohd Yussof, K. S., & Amat, A. (2012). Suluk. Dlm. Mariappan, K., & Prodong, P. (ed.). Dlm. *Murut & pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) – Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Kroeger, Paul R. (2017). National language comprehension in rural Sabah. *Journal of Modern Languages*, 6 (1), 29-47. Dlm. <https://jml.um.edu.my/article/view/3925>.
- Lembaga Bandaran Kudat. (2020). *Kudat*. Dlm. <http://www.sabah.gov.my/lbk/index.php/kudat>.
- Maraining, A., Othman, Z., Radzi, M., & Abdul Rahim, M. S. (2018). Komuniti Suluk dan persoalan migrasi: 'Sirih pulang ke gagang'. *Jurnal Kinabalu*, 24, 35-55. Dlm. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1678>.
- Neuman, W. L. (2011). *Social research methods qualitative and quantitative approaches. Seventh Edition*. Boston: Pearson Education.
- Othman, Z., Omar, M.K., Abdul Jabar, F., & Idris, N.A. (2016). Memelihara keselamatan negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (7), 147-159. Dlm. <http://ejournals.ukm.my/gmjss/article/view/17690>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Bayan Linnas Siri Ke-197: *Islam Dan Muzik*. Dlm.

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3570-bayan-linnas-siri-ke-197-islam-dan-muzik?highlight=WyJwZXJrYWWh3aW5hbIIsInBlcmthaHdpbmFuJy4iLCJwZXJrYWWh3aW5hbIiXQ>.

- Rashid, M. F. (2016). Kesejahteraan sosial dalam memartabat komuniti Suluk: Ruang dan cabaran. *Jurnal Kinabalu (EJK)*, 20. Dlm. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/133>.
- Roslan, A.N. (2018). Komuniti Suluk Sabah: Identiti dan kelangsungan ekonomi. Dlm. Ajak, M.F., & Dino, N. *Pemikiran dan Identiti Suluk. Sabah*. Sabah: Pertubuhan Profesional Suluk Sabah (PROS).
- Soderberg, C., Ashley, S. A. & Olson, K.S. (2012). Tausug (Suluk). *Journal of the International Phonetic Association: Illustrations of the IPA*, 42 (3), 361-364. Dlm. <https://www.cambridge.org/core/journals/journal-of-the-international-phonetic-association/issue/27A48C506D338EBC9560AD07452B5CED>.
- Tamby Omar, A., Ationg, R., & Marinsah, S.A. (2019). Cultural values and management approach of Suluk leaders in Sabah. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 17 (1), 21-29. Dlm. http://www.akademiabaru.com/doc/ARBMSV17_N1_P21_29.pdf.
- Thomas, M.K. (1968). *Institutionalized friendship and warfare among the Tausug of Jolo*. *Ethnology*, 7 (3), 225-244. Dlm. <https://www.jstor.org/stable/3772889>.

Temubual/Wawancara

- Wawancara bersama Informan 1 berusia 70 tahun pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 2 berusia 61 tahun pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 3 berusia 79 tahun pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 4 berusia 48 tahun pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 5 berusia 70 tahun pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 6 berusia 66 tahun pada 27 Julai 2021, bertempat di Kampung Limau-Limauan, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 7 berusia 43 tahun pada 23 Julai 2021, bertempat di Kampung Milau, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 8 berusia 50 tahun pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Tanjong Kapor, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 9 berusia 71 tahun pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Perpaduan Gumpa, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 10 berusia 53 tahun pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Pantai Bahagia Gumpa, Kudat.
- Wawancara bersama Informan 11 berusia 43 tahun pada 04 Ogos 2021, bertempat di Kampung Pengaraban, Kudat.